

**GARIS PANDUAN PEMASANGAN PAPAN NOTIS KAWASAN
LARANGAN/TEMPAT LARANGAN/ KAWASAN LARANGAN DAN
TEMPAT LARANGAN (PINDAAN 2024)**

TUJUAN

Garis panduan ini adalah untuk memberi penjelasan mengenai pemasangan papan notis di kawasan larangan/tempat larangan/kawasan larangan dan tempat larangan di kawasan atau tempat yang telah diisytiharkan di bawah Seksyen 4 dan 5, Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

LATAR BELAKANG

2. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) bertanggungjawab dalam pengurusan pengisytiharan sesebuah kawasan atau tempat sebagai kawasan larangan/tempat larangan.
3. Pemasangan papan notis adalah diwajibkan bagi kawasan/tempat yang telah diisytiharkan dibawah Seksyen 4 dan 5, Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298) bagi mencegah kemasukan yang silap atau tidak sengaja. Pemasangan papan notis ini juga selaras dengan Seksyen 6 Akta 298 yang memperuntukkan bahawa perintah tersebut mula berkuatkuasa setelah papan notis dipasang walaupun tanpa penyiaran dalam Warta.
4. Bagi menangani isu-isu semasa berkaitan keberkesanan papan notis tersebut, Bahagian Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (BSPKLTL) telah membuat pindaan ke atas garis panduan sedia ada. Pindaan garis panduan ini merangkumi aspek teknikal papan notis iaitu membesarkannya dari saiz 1m x 1.3m kepada 1m x 2m. Selain itu, pindaan garis panduan ini juga memperkenalkan penggunaan papan notis bergambar (pictorial signage).

PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIAMBIL KIRA DALAM URUSAN PEMASANGAN PAPAN NOTIS KAWASAN LARANGAN /TEMPAT LARANGAN

5. Perkara – perkara berikut perlu diambil kira dalam pemasangan papan notis iaitu:-

5.1. SAIZ MINIMUM PAPAN NOTIS

5.1.1. Saiz papan notis adalah 1 meter x 2 meter atau 3 kaki x 6 kaki.

5.2. SAIZ HURUF DI PAPAN NOTIS

5.2.1 Rujuk **Gambar 1** untuk papan notis bertulis; dan

5.2.2 Rujuk **Gambar 2** untuk papan notis bergambar

5.3. WARNA PAPAN NOTIS

5.3.1. Latar belakang berwarna merah dengan perkataan/tulisan berwarna putih.

5.4. BUTIRAN PERKATAAN DI PAPAN NOTIS

5.4.1. Perkataan di papan notis adalah bergantung kepada jenis perintah yang dikeluarkan. Terdapat 3 jenis papan notis iaitu:

5.4.1.1 Kawasan Larangan dan Tempat Larangan / Protected Area and Protected Place
(**Gambar 3 & 4**)

5.4.1.2 Tempat Larangan / Protected Place
(**Gambar 5 & 6**)

5.4.1.3 Kawasan Larangan / Protected Area
(**Gambar 7 & 8**)

- 5.4.2. Penghuni atau pemilik perlu meletakkan papan notis mengikut perintah pengisytiharan yang ditetapkan. Dua bahasa digunakan iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris hendaklah diletakkan secara sebelah menyebelah.

5.5. NOMBOR PERINTAH

- 5.5.1 Rujuk Gambar 1 untuk papan notis bertulis; dan
5.5.2 Rujuk Gambar 2 untuk papan notis bergambar

5.6. PENEMPATAN PAPAN NOTIS

- 5.6.1. Papan notis perlulah ditempatkan sekurang - kurangnya di empat (4) penjuru kawasan larangan / tempat larangan termasuk di pintu masuk utama di mana orang ramai boleh melihatnya dengan jelas.
- 5.6.2. Bagi mengelakkan kes-kes kecurian, papan notis boleh ditempatkan dengan jarak 1 meter dari pagar dalam kawasan dan didirikan secara teguh. Jarak dari aras tanah hingga bahagian bawah papan notis adalah 1.5 meter atau jarak yang difikirkan sesuai. **(Gambar 9 dan 10)**
- 5.6.3. Bagi pelantar-pelantar minyak (*offshore*) di tengah lautan, pemasangan papan notis di sekeliling pemasangan (500 meter) perlu digantikan dengan kaedah lain yang lebih berkesan, sebagai contoh dengan memasukkan kawasan KLTL di dalam sistem navigasi kapal laut dan lain-lain cara yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, papan notis perlu dipasang di pemasangan (fizikal) selaras dengan Seksyen 10(2), Akta 298 **(Gambar 11)**.

PENUTUP


6. Garis panduan ini perlu digunakan sebagai panduan oleh penghuni atau pemilik kawasan larangan / tempat larangan dalam urusan pemasangan papan notis di kawasan larangan / tempat larangan dan sebarang masalah dalam pelaksanaannya bolehlah dirujuk kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.

TARIKH KUATKUASA


7. Garis panduan ini hendaklah terpakai dan berkuatkuasa serta merta.

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

GAMBARAJAH PAPAN NOTIS



Gambar 1 : Spesifikasi saiz huruf pada papan notis bertulis.



Gambar 2 : Spesifikasi saiz huruf pada papan notis bergambar.



Gambar 3 : Butiran perkataan di papan notis bertulis Kawasan Larangan dan Tempat Larangan.



Gambar 4 : Butiran perkataan di papan notis bergambar Kawasan Larangan dan Tempat Larangan.



Gambar 5 : Butiran perkataan di papan notis bertulis Tempat Larangan.




Gambar 6 : Butiran perkataan di papan notis bergambar Tempat Larangan.




Gambar 7 : Butiran perkataan di papan notis bertulis Kawasan Larangan.




Gambar 8 : Butiran perkataan di papan notis bergambar Kawasan Larangan.



Gambar 9 : Jarak penempatan Papan Notis dari dalam pagar kawasan



Gambar 10 : Jarak ketinggian dari aras tanah hingga ke bahagian bawah papan notis



Gambar 11 : Pemasangan papan notis bagi pelantar-pelantar minyak di tengah lautan